

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2015

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pelaksanaan GST akan ditangguhkan ekoran bencana banjir di Pantai Timur. Senaraikan jumlah GST yang dijangka dikutip dari setiap negeri. Adakah sebahagian cukai GST yang dikutip akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri dan sekiranya ya, berapa peratus daripada jumlah kutipan.

JAWAPAN

Kerajaan amat prihatin terhadap beberapa negeri di Pantai Timur, Pantai Barat, Sabah dan Sarawak yang terlibat dengan bencana banjir

baru-baru ini. Segala bantuan yang diperlukan telah disalurkan melalui pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk dilaksanakan mengikut jadual perancangan yang disediakan.

2. Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menangguhkan pelaksanaan GST kerana ia merupakan cukai kepenggunaan yang menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST). Dibawah SST pengguna telahpun membayar cukai jualan 5% atau 10% serta cukai perkhidmatan 6% berbanding dengan GST dimana barang hanya dikenakan 6% sahaja atau tidak dikenakan cukai sehingga dikategorikan dibawah GST zero rated atau GST exempt supply.

3. Di peringkat antarabangsa, pengumuman mengenai pelaksanaan GST telah memberi kesan yang positif setelah Malaysia diberi pengiktirafan oleh Badan-Badan Antarabangsa dan agensi penarafan dunia. Ini akan membantu Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi kelak.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, GST merupakan hasil

Kerajaan Persekutuan yang akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama hasil-hasil Kerajaan yang lain dan seterusnya akan diagihkan kepada semua Kementerian, Jabatan dan agensi bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk dimanfaatkan bersama oleh semua negeri. Pengagihan ini dilakukan menerusi Bajet Tahunan yang dibuat pada setiap tahun mengikut keperluan kementerian diperingkat pusat, negeri dan daerah.